

Negara Malaysia

Kejatuhan harga getah tak akan berterusan

KUALA LUMPUR. Selasa — Kejatuhan harga getah asli di pasaran antarabangsa sekarang tidak akan berterusan memandangkan keadaan ekonomi dunia yang semakin pulih.

Negara-negara perindustrian, terutamanya Amerika Syarikat, mula menikmati pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan dijangka memerlukan lebih banyak eksport getah.

"Dengan stok simpanan getah yang rendah dan pengeluaran kereta yang meningkat sejak kebelakangan ini, saya jangka permintaan getah asli kita dari Amerika Syarikat akan meningkat," kata Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, hari ini.

Di Jepun pula, tamabahnya, stok simpanan getah negara itu semakin merosot, menggarbarkan penggunaan bahan asal utama Malaysia itu semakin bertambah.

Di samping itu, beliau berkata, kajian terbaru mengenal pengeluaran dan permintaan getah

asli dunia yang dijalankan oleh Kumpulan Kajian Getah Antarabangsa menunjukkan permintaan mengatasi pengeluaran bagi tahun ini.

Permintaan getah asli dunia tahun ini dianggarkan 3.875 juta tan, manakala pengeluaran dijangka cuma 3.850 juta tan sahaja, katanya.

Ekonomi

Datuk Paul Leong berkata lagi, dengan kedudukan ekonomi dunia yang semakin baik berikutan kestabilan harga minyak, pasaran getah Malaysia pasti akan meningkat dan akan membaiki lagi kedudukan harganya di pasaran dunia.

"Adalah menggalakkan jika diperhatikan harga pesanan getah asli Malaysia sekarang sudah semakin kukuh berbanding dengan harga di pasaran biasa," katanya.

Beliau juga menjelaskan, pengeluaran getah Malaysia merosot kira-kira 50,000 tan dari 1.6 juta tan tahun 1979 kepada 1.55 juta tan tahun lalu.

Ini disebabkan kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian sekarang, katanya.

Datuk Paul Leong juga berpendapat usaha memperbaiki sistem percukaian eksport getah perlu dijalankan bagi mengimbangkan harga getah demi kepentingan pekebun kecil.

Ini perlu memandangkan harga getah asap keping (RSS1) yang banyak dihasilkan oleh pekebun-pekebun kecil jatuh teruk, dibandingkan dengan getah pasaran Getah Bermutu Malaysia (SMR).

"Bagi lima bulan pertama tahun ini harga purata RSS1 ialah 284.25 sen satu kilo, tetapi mulai pertengahan bulan lalu harganya merosot dari 266.25 sen sekilo kepada 240 sen sekilo minggu lalu," kata Datuk Paul Leong.

Sebaliknya, permintaan dan pesanan getah SMR semakin meningkat, terutamanya dari negara-negara Amerika Selatan, Eropah Timur, Timur Tengah dan Timur Jauh, katanya.